

1982

KUALA LUMPUR, 11 MAC. (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG PENDUDUKNYA MENJALANI KEHIDUPAN SEHARI-HARI BERPANDUKAN AJARAN ISLAM, KATA DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT ADALAH TIDAK SALAH MEMBAWA AJARAN ALQURAN UNTUK MELIPUTI KEHIDUPAN SEMUA PENDUDUK TANPA MENGIRA AGAMA, MEMANDANGKAN AJARANNYA ADALAH UNTUK KEBAIKAN, DI DUNIA DAN DI AKHIRAT.

+ALQURAN MENGAJAR KEBAIKAN DAN SAYA YAKIN SEMUA PENDUDUK YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM JUGA BERMINAT KEPADA KEBAIKAN+. TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQH DI BILIK GERRAKAN NEGARA DI SINI.

BELIAU MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA AJARAN ALQURAN TIDAK DAPAT DISERAP -KAN +SEKALIGUS+ TETAPI BELIAU BERPENDAPAT ASPEK PENTING DALAM KITAB SUCI ITU PATUT DISERAPKAN DALAM KEHIDUPAN SEMUA PENDUDUK TANPA MENGIRA AGAMA MEREKA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU, KERAJAAN SEDANG +MENCUBA +SEMANGAT BARU DI KALANGAN RAKYAT TERUTAMA ORANG-ORANG ISLAM AGAR MEREKA MENJADI CONTOH KEPADA DUNIA SEBAGAI GOLONGAN GAGAH BERANI, CEKAP DAN BERSIH DARI SEMUA SEGI, KUAT DAN KAYA SERTA TIDAK MENJADI HAMBА KEPADA SESIAPA.

—BERSAMBUNG 1248/AN

B538

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR ٩'٩'٩'

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU MEMILIH COGANKATA +DISIPLIN DAN KESUNGGUHAN BEKERJA DALAM ISLAM+ SEBAGAI TEMA MUSABAQAH MEMBACA ALQURAN TAHUN INI.

PERDANA MENTERI BERHARAP ORANG ISLAM KHUSUSNYA AKAN MEMPUNYAI SEMANGAT DAN DEDIKASI TERHADAP KERJA YANG BERPANDUKAN AJARAN QURAN SUPAYA SEGALA ILMU DAN SIKAP RAJIN BEKERJA ITU MEMBAWA KEJAYAAN.

+SAYA TIDAK YAKIN ISLAM HANYA MENGAJAR UMATNYA BERIBADAT DAN MEMBACA ALQURAN TETAPI JUGA MENGAJAR MEMBUAT KEBAJIKAN KEPADA ORANG LAIN YANG KELAK AKAN MEMBAWA KEBAGHIAN KEPADA NEGARA DAN BANGSA  
+ TEGAS BELIAU.

+ORANG ISLAM DI ZAMAN NABI TAHU MEMBUAT PERAHU DAN TENGGOK KOMPAS UNTUK BELAYAR DAN KERANA MEREKALAH KITA HARI INI DAPAT BERKUMPUL UNTUK BERMESYUARAT MENGENAI KEGIATAN AGAMA ISLAM DAN TIDAK AGAMA LAIN+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA ORANG ISLAM JANGAN MENIRU CARA BARAT YANG HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI DENGAN MELANCARKAN MOGOK JIKA TIDAK MENDAPAT GAJI TANPA MEMPEDULIKAN KEBAJIKAN ORANG LAIN.

—BERSAMBUNG 1302/AN

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN +BERBUAT UNTUK DIRI SENDIRI+ DAN MEMBELAKANGKAN MASYARAKAT YANG DIMPORT DARI BARAT ITU TIDAK ADA TEMPAT DALAM AJARAN ISLAM KERANA ALQURAN SENTIASA MEMENTINGKAN +DISIPLIN DIRI+ UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN BANGSA.

KATANYA DISIPLIN DIRI MENERUSI MENGAWAL NAFSU PERLU DIAMALKAN KERANA TANPANYA NEGARA TIDAK AKAN STABIL DAN RAKYATNYA HURU HARA.

+KITA MEMPUNYAI NEGARA, PEMERINTAH DAN KUASA DAN INI HARUS DIPERTAHANKAN DENGAN BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH AGAR MASYARAKAT MENJADI KUAT, KUKUH DAN BERDISIPLIN+, TAMBAH BELIAU.

SEBELUM ITU, PENERUSI JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH, TAN SRI SYED NASIR ISMAIL MENEKANKAN PERLUNYA PERUBAHAN DIADAKAN DALAM MUSABAQAH MEMBACA ALQURAN YANG AKAN MEMASUKI TAHUN KE-25 BAGI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN DEPAN DAN TAHUN KE-24 BAGI PERINGKAT ANTARABANGSA.

KATANYA PENGARUH KEGIATAN ISLAM KINI TELAH MELUAS SEHINGGA MENEMBUSI KE NEGARA LUAR YANG BUKAN ISLAM SEHINGGA MALAYSIA MENDAPAT FUJIAN NEGARA ARAB SEBAGAI PUSAT PERKEMBANGAN ALQURAN DAN JUARA DALAM MUSABAQAH MEMBACA AYAT SUCI ITU.

KIRA-KIRA 42 BUAH NEGARA AKAN MENGHADIRI MUSABAQAH PERINGKAT ANTARABANGSA YANG AKAN DIADAKAN SELAMA LIMA HARI MULAI 8 JULAI PERTANDINGAN PERINGKAT NEGERI DIJADULAKAN PADA PERTENGAHAN JUN BERGANTUNG KEPADA KEPUTUSAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

—BERNAMA 1332/AN